

## SURAT PEKELILING PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BILANGAN 1/2009

### **PERKARA - PERKARA YANG PERLU DIPATUHI OLEH SEMUA KEMENTERIAN / JABATAN DI DALAM URUSAN PEROLEHAN TANAH / BANGUNAN MELALUI PEMBELIAN**

---

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memperjelaskan lagi Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 3/2008 (PTP 3/2008) khususnya mengenai perolehan tanah/bangunan yang dibuat melalui kaedah pembelian.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Kewangan pada 17 Disember 2007 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 2007 (SPP 11/2007) yang bertujuan memaklumkan tatacara yang perlu dipatuhi oleh semua Kementerian/Agensi dalam menguruskan perolehan tanah melalui pembelian.

3. Lanjutan daripada SPP 11/2007 tersebut, Jabatan ini telah mengeluarkan Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil 3/2008 yang menjelaskan tatacara perolehan tanah termasuk perolehan tanah melalui pembelian.

#### **PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPATUHI OLEH KEMENTERIAN**

4. Walau bagaimanapun Jabatan ini mendapati bahawa masih ada Kementerian / Jabatan Pengguna (KJP) yang masih gagal mematuhi pekeling tersebut sepenuhnya terutamanya di muka surat 119,120, 121 dan 122. Sehubungan itu, semua KJP hendaklah mematuhi perkara-perkara seperti berikut :-

##### **a) Perakuan Pembelian daripada PTP.**

Bagi tujuan permohonan perakuan pembelian dari Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Kementerian/Jabatan Pengguna dikehendaki untuk mengemukakan **satu salinan hakmilik** dan **carian rasmi terkini** (yang diakui sah)

**b) Jawatankuasa Rundingan Harga.**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah diedarkan dengan segera supaya perkara-perkara atau terma-terma yang diputuskan di dalam mesyuarat tersebut dapat di masukkan ke dalam deraf perjanjian jual beli.

**c) Perjanjian Jual Beli**

Setiap deraf perjanjian jual beli hendaklah disemak terlebih dahulu oleh Penasihat Undang-Undang Kementerian/Jabatan sebelum dikemukakan untuk semakan Penasihat Undang-Undang Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (Persekutuan). Surat/memo memaklumkan deraf tersebut telah disemak Penasihat Undang-Undang Kementerian/Jabatan Pengguna hendaklah dikepilkan bersama dengan deraf perjanjian tersebut.

**d) Pemantauan**

Pihak Kementerian juga hendaklah memantau proses pindahmilik dan pendaftaran hakmilik ke atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ini adalah selaras dengan kehendak para 10, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 11/2007 iaitu "Kementerian/Agensi hendaklah melantik seorang pegawai sesuai untuk mengesahkan semua bayaran dan memantau pelaksanaan sepenuhnya syarat-syarat jual beli tanah sehingga sempurna didaftarkan di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan".

**TARIKH KUATKUASA**

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



**( DATO' ABD HALIM BIN AIN )  
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN**

**TARIKH : 28 MEI 2009**

**Ruj : JKPTG/810/30/15-5**